

PRN SARAWAK

## Tiga elemen utama tentukan KPI menteri

Muhammad Yusri Muzamir - Disember 7, 2021 @ 11:18am  
yusri.muzamir@bh.com.my



Tan Sri Mohd Zuki Ali

KUALA LUMPUR: Petunjuk prestasi utama (KPI) 100 hari Aspirasi Keluarga Malaysia bagi setiap menteri akan dinilai berdasarkan tiga elemen utama.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata ia membabitkan penilaian prestasi kementerian dan jabatan serta kepemimpinan berdasarkan keberkesanan keberhasilan inisiatif.

Beliau berkata, KPI setiap menteri juga dibuat berdasarkan penilaian persepsi awam terhadap Jemaah Menteri dan kementerian serta jabatan di bawah tanggungjawab mereka.

"Justeru, ahli Jemaah Menteri perlu mengumumkan Kad Laporan Pencapaian 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia masing-masing kepada rakyat, bertujuan menilai pencapaian prestasi menteri dan kementerian.

"Ia demi kesejahteraan Keluarga Malaysia dan kerajaan meletakkan pencapaian aspirasi itu bagi setiap ahli Jemaah Menteri sebagai keutamaan tertinggi bagi memberi khidmat terbaik kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia bersama Malaysia Hari Ini di TV3, sebentar tadi.

Mengenai KPI bagi Perdana Menteri, Mohd Zuki berkata, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob genap 100 hari menggalas tanggungjawab mengambil alih tampuk pentadbiran negara, pada 28 November lalu.

Beliau berkata, ketika awal pentadbirannya, keadaan politik, ekonomi mahupun kesihatan masih tidak stabil, selain semua pihak dalam usaha menangani pandemik COVID-19.

Ketika itu, katanya, penularan COVID-19 masih berada pada tahap membimbangkan dengan lebih 20,000 kes jangkitan dilaporkan setiap hari.

"Namun, Alhamdulillah. Berkat kesabaran dan kecekalan kita semua, sama ada inisiatif daripada kerajaan, mahupun kerjasama rakyat di seluruh negara, dalam tempoh 100 hari ini, wabak COVID-19 yang melanda negara berjaya dikurangkan.

"Hari ini, purata kes COVID-19 di Malaysia direkodkan pada kadar 5,000 kes harian, manakala kadar kematian dan kes pesakit ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU) menunjukkan penurunan.

"Usaha bagi mengekang wabak ini daripada terus menular akan diteruskan kerajaan. Seiring usaha itu dan pencapaiannya, prestasi setiap ahli Jemaah Menteri akan dinilai," katanya.

Mohd Zuki berkata, 100 Hari AKM adalah program serta inisiatif ditetapkan 31 menteri, membabitkan 26 kementerian dan lima agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Katanya, Mesyuarat Kabinet pada 10 September lalu, bersetuju Jemaah Menteri membentangkan laporan prestasi aspirasi masing-masing bagi 100 hari pertama pentadbiran kerajaan pimpinan Ismail Sabri, mulai 1 September lalu.

"Pelaksanaan inisiatif bagi setiap aspirasi semuanya berlandaskan enam Teras Utama, iaitu menstruktur semula ekonomi, menjamin keselamatan dan ketenteraman negara serta meningkatkan kesejahteraan sosial.

"Mempertingkatkan infrastruktur menyeluruh, memperkukuh penyatuan dalam acuan Keluarga Malaysia dan memperkasa penyampaian perkhidmatan," katanya.